



جابتن فنديديكن نكري سميلن دارا لخصوص

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

JALAN DATO' HAMZAH KARUNG BERKUNCI No. 6  
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
Tel : 06-7653100 Fax : 06-7639969



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

Ruj.Kami : JPNS.SKPP.AKN.400-1/7/2Jld.9(58)

Tarikh : 12 Jun 2018

Semua Pengetua/Guru Besar  
SMK/SMKA/SK/SJKC/SJKT

.....  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN MENGENAI PERUBAHAN KADAR BANTUAN GERAN PER KAPITA (PCG)  
KURSUS ALIRAN KEMAHIRAN BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK) MULAI TAHUN  
2019**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM.800-4/1/4Jld.16(16) bertarikh 8 Jun 2018 adalah berkaitan.

2. Surat siaran tersebut bertujuan memaklumkan mengenai kelulusan perubahan kadar Bantuan Geran Per Kapita (PCG) Kursus Aliran Kemahiran bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) oleh Kementerian Kewangan setelah kadar PCG MBK disetarakan dengan kadar PCG murid di aliran arus perdana. **Penggunaan kadar baharu ini berkuatkuasa mulai tahun persekolahan 2019.**

3. Perubahan kadar ini melibatkan MBK di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan MBK yang mengikuti Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) peringkat menengah berdasarkan mata pelajaran Kemahiran Hidup yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Menengah serta Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSM PK). Perubahan ini melibatkan 23 jenis kursus yang ditawarkan seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Kadar PCG Baharu Murid Berkeperluan Khas Yang Menjalani Kursus Aliran Kemahiran Mulai Tahun 2019**

Bidang	Bil.	Nama Kursus	Kadar PCG Sedia Ada	Kadar Baharu
			RM	RM
Hospitaliti	1	Penyediaan dan Pembuatan Makanan	800.00	1,600.00
	2	Pembuatan Pastri	800.00	1,600.00
	3	Pembuatan Roti	800.00	1,600.00
	4	Dandanuan Rambut	800.00	800.00
	5	Operasi Perkhidmatan Dobi	800.00	1,200.00
	6	Operasi Servis Makanan dan Minuman	800.00	1,200.00


Bidang	Bil.	Nama Kursus	Kadar PCG Sedia Ada	Kadar Baharu
			RM	RM
	7	Refleksologi Kaki, Tangan dan Telinga	800.00	1,200.00
	8	Operasi Pengemasan	800.00	1,200.00
Tekstil dan Pakaian	9	Pembuat Pakaian Wanita	800.00	1,200.00
	10	Pembuat Kanan Jahitan Kreatif	800.00	1,200.00
	11	Pembuat Pakaian Lelaki Kanan	800.00	1,200.00
Pemesinan dan Peralatan	12	Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam	800.00	1,500.00
Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Mekanikal dan Elektrik	13	Peralatan Penyamanan Udara HVAC – Satu Fasa (Pemasangan, Servis , <i>Troubleshooting</i> & Pembaikan/pulihan)	800.00	1,400.00
Elektrikal dan Elektronik	14	Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik – Satu Fasa	800.00	1,500.00
Landskap dan Alam Sekitar	15	Atendan Landskap	800.00	1,000.00
	16	Koordinator Landskap	800.00	1,000.00
Pertanian	17	Pekerja Am Tanaman	800.00	1,000.00
	18	Pekerja Ladang Penternakan Poltri	800.00	1,000.00
	19	Pekerja Ladang Ruminan	800.00	1,000.00
	20	Operator Akuakultur	800.00	1,000.00
	21	Operator Pengeluaran Pemprosesan Makanan	800.00	1,000.00
Kejuruteraan Awam	22	Operasi Pembuatan Perabot	800.00	1,300.00
Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan	23	Servis dan Penyelenggaraan Motosikal	800.00	1,400.00

4. Penyaluran peruntukan PCG Kursus Aliran Kemahiran bagi MBK dengan kadar baharu ini akan disalurkan terus ke akaun sekolah yang berkenaan **mulai tahun persekolahan 2019**. Oleh itu, Pengurusan Sekolah boleh membuat tuntutan bagi permohonan bantuan Persekolahan Awal Tahun 2019 melalui sistem eBantuan mulai **1 November 2018**.
5. Kerjasama dan keprihatinan pihak Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)**  
Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.